

Headline	Malaysia memerlukan lebih ramai ‘doktor pokok’		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	27 Sep 2018	Color	Black/white
Section	News	Circulation	32,799
Page No	14	Readership	98,397
Language	Malay	ArticleSize	244 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 909
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,728



Malaysia memerlukan lebih ramai ‘doktor pokok’

KUALA LUMPUR: Malaysia memerlukan lebih ramai arborist atau ‘doktor pokok’ yang berperanan menentukan pokok yang menghiasi bandar raya adalah selamat dan tidak mendatangkan risiko kepada orang ramai, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Shah.

Beliau berkata sehingga kini cuma terdapat 109 arborist yang disahkan oleh Persatuan Arborist Malaysia (PArM) dan cuma 25 orang yang mempunyai sijil kelayakan penilaian risiko pokok.

“Dengan kesedaran mengenai manfaat pokok serta bahaya yang ditimbulkan oleh pokok yang tidak jaga dengan baik usaha agensi, pertubuhan kerajaan dan sektor swasta terhadap isu tersebut harus ditingkatkan,” katanya pada persidangan Arborikultur Antarabangsa Kuala Lumpur (INTAC KL 2018), di sini semalam.

Beliau menyokong usaha Kementerian Sumber Manusia untuk melatih arborist

menerusi pendidikan kemahiran berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Nasional dengan kerjasama Standard Malaysia, dan Kementerian Alam Sekitar, Sains, Teknologi dan Perubahan Iklim.

“Memandangkan pentingnya latihan berdasarkan kemahiran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui mekanisme piawaian antarabangsa, sudah tiba masanya untuk pihak berkuasa tempatan menjalankan kerja-kerja arborikultur untuk memastikan semua pokok di bandar aman bagi orang rama,” katanya.

Selain itu, Raja Kamarul Bahrin berkata pada 2018, kira-kira 80 peratus atau 25.97 juta orang daripada jumlah 32.47 juta penduduk Malaysia adalah penduduk bandar, dan mereka terdedah kepada risiko pokok yang tumbang di sekitar kawasan bandar terutamanya ketika ribut.

Bagaimanapun, kejadian pokok tumbang tidak hanya semasa ribut seperti yang berlaku berhampiran KLCC

di Kuala Lumpur tidak lama dahulu dan menegaskan bahawa “Ini adalah isu yang memerlukan perhatian segera oleh semua pihak untuk melindungi nyawa,” katanya.

Beliau berkata kejadian pokok tumbang mungkin tidak dapat dielak, namun tanda-tanda kecacatan pada pokok berkenaan boleh dikecambah oleh seorang arborist yang terlatih dan pokok berkenaan boleh ditebang untuk keselamatan orang awam.

Persidangan INTAC KL 2018 itu yang bertemakan keselamatan, ketahanan dan kemapanan, telah disertai oleh kira-kira 180 orang arborist serta pihak yang berkepentingan dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Hong Kong dan Amerika Syarikat.

Persidangan tiga hari itu dianjurkan oleh PArM, Universiti Putra Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Landskap Negara, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perbadanan Putrajaya. — Bernama